

03/04/1998

Harrods: Peluang firma perluas pasaran

Azizi Othman in London

SEBANYAK tiga syarikat tempatan yang akan memasarkan produknya menerusi rangkaian pusat beli-belah milik Harrods Ltd (Harrods), menyifatkan kejayaan itu akan membuka laluan bagi mereka meneroka pasaran sejangat.

Sehubungan itu, ketiga-tiga syarikat terbabit - LangkawiCrystal Sdn Bhd, Amtek International Holdings Sdn Bhd dan Malaysia Electric Corporation Bhd - yakin menikmati peningkatan jualan yang mendadak tahun ini.

LangkawiCrystal ialah pengeluar perhiasan kristal; Amtek (pengedar pakaian, makanan dan perabot) manakala MEC pengeluar pelbagai peralatan elektrik nasional.

Pengarah Urusan LangkawiCrystal, Abdoul Rahman Abdullah, berkata kejayaan memeterai perjanjian dengan Harrods itu mencerminkan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap produk keluarannya.

"Jika sebelum ini produk seni tempatan seperti barangan emas, perak, ukiran, tekstil dan piuter Malaysia sudah diterima di peringkat dunia, kini giliran kristal pula meneruskan kegemilangan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian selepas majlis memeterai perjanjian itu dengan Pengerusi Harrod's, jutawan Mohamad Al-Fayed, di London, kelmarin.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Pengarah Harrod's, Countess Spencer.

Sementara itu, Pengarah Amtek, Syed Azmin Syed Nor berkata, perjanjian dengan Harrods itu akan membuka lembaran baru dalam sejarah syarikat meneroka pasaran antarabangsa.

"Dengan perjanjian ini, usaha kami mengetengahkan produk tekstil, makanan dan perabot tempatan sudah maju setapak lagi dan ia pasti menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara," katanya.

Menurutnya, menyedari pelbagai manfaat yang boleh didapati dengan kerjasama seumpama itu, Amtek berharap lebih banyak syarikat Malaysia dapat mengikuti langkah yang sama pada masa depan.

Jurucakap MEC pula berkata, dengan perjanjian itu, syarikat kini secara tidak langsung dapat menembusi pasaran sebahagian besar pelusok dunia menerusi rangkaian pusat beli-belah Harrods.

Langkah itu sebenarnya amat penting bagi sesebuah syarikat baru yang mempunyai kemampuan pengeluaran tinggi seperti MEC dalam usahanya untuk mendapatkan lonjakan permulaan.

"Apa yang penting sebenarnya ialah syarikat Malaysia perlu yakin bahawa jika produk yang mereka keluarkan mampu memenuhi tahap piawai mutu antarabangsa, ia boleh bersaing di mana saja," katanya.

(END)